



OLYMPIC COUNCIL OF MALAYSIA

Mezzanine Floor, Wisma OCM, Hang Jebat Road, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +60 3 2715 2810 & +60 3 2078 7648 Fax: +60 3 2715 2801 Email: nocmas@tm.net.my Website: www.olympic.org.my



Hon. Life President: Tan Sri Hamzah Abu Samah

President: Tunku Tan Sri Imran Ibni Tuanku Ja'afar **Deputy President:** Datuk Dr. M. Jegathesan

Vice Presidents: Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin, Ms. Low Beng Choo, Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad, Dato' Roy Rajasingham, Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad

Hon. Secretary: Dato' Sieh Kok Chi **Hon. Asst. Secretary:** Mr. Ramlay Ibrahim, Ms. Moira Tan Siew Sec

Hon. Treasurer: Dato' Seri Kee Yong Wee **Hon. Asst. Treasurer:** Mr. Rosmanizam Abdullah

Ruj. kami: OCM/Admin/AGA/08/9/1 Vol.8 (2009)

7hb Mei 2009

- i) Semua Pemegang Jawatan Majlis Olimpik Malaysia
- ii) Semua Setiausaha Kehormat Persatuan Sukan Kebangsaan Gabungan Majlis Olimpik Malaysia

YAM Tunku/Y.B./Y.Bhg./ Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan

Per : **NOTIS DAN AGENDA BAGI**
PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-28
MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA - 30HB MEI 2009

Mengikut Artikel 27 Perlembagaan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) (1995), notis adalah diberi untuk memaklumkan bahawa Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-28 akan diadakan pada hari Sabtu, 30hb Mei 2009 jam 10.00 pagi. Perhimpunan Agung tersebut akan diadakan di Arena Sukan, Tingkat 3, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur.

Bersama ini dilampirkan Agenda untuk Perhimpunan Agung Tahunan Ke-28, Minit Mesyuarat Perhimpunan agung Tahunan Ke-27, Kenyataan Kewangan bagi tahun berakhir 31hb Disember 2008 yang telah diodit, Analisis Pendapatan bagi tempoh 1hb Januari hingga 31hb Disember 2008 untuk perhatian anda selanjutnya. Laporan Tahunan bagi 2008 akan dihantar secara berasingan.

Sebagaimana anda maklum, Mesyuarat Majlis MOM Ke-152 telah melantik sebuah Panel Bebas yang terdiri daripada tiga (3) orang, dimana salah seorang daripadanya akan bertindak sebagai Pegawai Pilihanraya (Returning Officer) untuk menyelia, mengurus dan menjalankan pemilihan Pemegang Jawatan MOM bagi sesi 2009/2011. Anda akan dihubungi dan diberi taklimat oleh Panel Bebas tersebut berkenaan prosedur pemilihan secara berasingan.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

(Sieh Kok Chi)
Setiausaha Kehormat

PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-28

Tarikh: 30hb Mei 2009 (Sabtu)
Masa: 10.00 pagi
Tempat: Arena Sukan
Tingkat 3, Kompleks Sukan Tertutup MOM
Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur

AGENDA *********

1. Semakan Kehadiran.
2. Ucapan Presiden.
3. Mengesahkan Minit Perhimpunan Agung Tahunan Ke-27 yang telah diadakan pada 28hb Jun 2008.
4. Perkara-perkara berbangkit.
5. Membentang dan menerima Laporan Tahunan MOM Ke-27.
6. Membentang dan menerima Penyata Akaun yang telah diodit bagi tempoh 1hb Januari 2008 hingga 31 Disember 2008.
7. Menimbang apa-apa perkara di mana kenyataan bertulis telah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya empatbelas (14) hari sebelum Perhimpunan Agung Tahunan Ke-28.
8. Melantik Juru Odit Luar.
9. Memilih Pemegang Jawatan MOM bagi sesi 2009/2011.
 - i) Presiden
 - ii) Timbalan Presiden
 - iii) Lima (5) Naib Presiden (sekurang-kurangnya seorang wanita)
 - iv) Setiausaha Kehormat
 - v) Dua (2) Penolong Setiausaha Kehormat (seorang lelaki dan seorang wanita)
 - vi) Bendahari Kehormat
 - vii) Penolong Bendahari Kehormat